

TENAGA PENGAJAR SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

1. Bagaimanakah caranya untuk mendapat pengiktirafan sebagai Tenaga Pengajar?

Untuk mendapat pengiktirafan sebagai Tenaga Pengajar, individu perlu:

- memenuhi kelayakan akademik yang ditetapkan;
- menghadiri dan lulus Kursus Wajib Tenaga Pengajar (KWTP) yang dianjurkan oleh BKKM, KKM; dan
- Setelah lulus KWTP, individu perlu mengemukakan permohonan pengiktirafan Tenaga Pengajar kepada Ibu Pejabat BKKM, KKM

2. Bagaimanakah cara untuk memohon menghadiri Kursus Wajib Tenaga Pengajar ?

Kursus Wajib Tenaga Pengajar diadakan dua kali setahun. Pemohon boleh mendapatkan maklumat mengenai tawaran menyertai kursus tersebut melalui laman sesawang BKKM (<http://fsq.moh.gov.my>).

3. Berapakah yuran yang dikenakan untuk menghadiri Kursus Wajib Tenaga Pengajar dan berapa lamakah tempoh kursus tersebut?

Yuran Kursus Wajib Tenaga Pengajar adalah RM 1240.00 dan kursus tersebut diadakan selama empat hari.

4. Bolehkah seseorang Pegawai Berkuasa atau kakitangan awam (tetap atau kontrak) yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ataupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikuti Kursus Wajib Tenaga Pengajar?

Boleh sekiranya memenuhi syarat kelayakan akademik seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan

5. Adakah Kursus Wajib Tenaga Pengajar (KWTP) diadakan secara online?

Pada masa ini Kursus Wajib Tenaga Pengajar hanya diadakan secara fizikal kerana kehadiran peserta secara fizikal adalah diperlukan bagi sesi penilaian peserta oleh panel yang dilantik.

6. Kursus Tindakan yang akan dikenakan jika calon menolak tawaran Kursus Wajib Tenaga Pengajar (KWTP)?

Calon yang menolak tawaran Kursus Wajib Tenaga Pengajar akan disenaraihitamkan untuk tempoh satu (1) tahun dan tidak dibenarkan memohon semula dalam tempoh tersebut.

7. **Bolehkah seseorang Pegawai Berkuasa atau kakitangan awam (tetap atau kontrak) yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ataupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dilantik sebagai Tenaga Pengajar atau koordinator SLPM?**

Tidak boleh. Ini bagi mengelakkan *conflict of interest* atau penyalahgunaan kuasa.

8. **Adakah bayaran dikenakan bagi permohonan pengiktirafan Tenaga Pengajar?**

Tiada bayaran dikenakan bagi permohonan pengiktirafan baru Tenaga Pengajar. Bayaran hanya dikenakan bagi permohonan pembaharuan pengiktirafan Tenaga Pengajar iaitu sebanyak RM100.00.

9. **Bagaimanakah caranya untuk Tenaga Pengajar membuat pembetulan maklumat pada kad pengiktirafan Tenaga Pengajar ?**

Sebarang pembetulan maklumat pada kad pengiktirafan perlu dimaklumkan kepada Ibu Pejabat BKKM secara rasmi dan Tenaga Pengajar perlu mengembalikan kad asal sebelum kad pengiktirafan Tenaga Pengajar yang baru dikeluarkan.